

08/02/2001

Wim lancar laman web lelong

KUALA LUMPUR, Rabu - Institut Pengurusan Wanita (Wim) akan melancarkan laman web lelong elektronik serta program WIM-ICT (Teknologi dan Komunikasi Maklumat) secara untuk golongan wanita di seluruh negara pada 22 Februari ini.

Pelancaran kedua-dua program dijangka diadakan serentak dengan perasmian Wisma WIM oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 22 Februari ini.

Pengerusi WIM, Datuk Napsiah Omar, berkata kedua-dua program itu bertujuan memberi lebih pendedahan kepada wanita dalam bidang teknologi maklumat (IT) supaya mereka bersedia menghadapi cabaran dan persaingan di peringkat global.

Katanya, pelaksanaan kedua-dua program itu juga selaras dengan program kerajaan elektronik dan keperluan persekitaran hari ini yang mementingkan ICT.

"Kita tidak dapat memberi mereka wang sebagai bantuan, tetapi kita memberi mereka kemahiran dan membuka minda supaya mereka berusaha untuk pergi lebih jauh (berjaya).

"Wanita yang berpengetahuan dan berkemahiran adalah pelaburan yang baik dalam sesebuah syarikat dan juga negara," katanya dalam sidang akhbar mengenai perasmian Wisma WIM, di sini hari ini.

Napsiah berkata, wanita yang berminat boleh mempelajari ICT secara percuma sama ada asas pengenalan komputer atau mengikut bidang kepakaran seperti perbankan atau perakaunan melalui 10 pusat pembelajaran di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya, mereka yang berminat untuk mengikuti kursus ini dikehendaki berdaftar sebagai ahli WIM terlebih dahulu dan menghubungi WIM supaya dapat mengetahui lebih lanjut mengenai lokasi dan kursus yang dikehendaki.

Sementara itu, Napsiah meminta orang ramai menyumbang barangan lama yang masih boleh digunakan untuk program lelongan amalnya melalui laman web dengan kerjasama GO2020 bagi menambah dana kewangan WIM.

(END)